

# PM: Kembali ke perjuangan asal

UM 29 FEB 2000

Oleh MOHD KAMIL YUSUFF

ALOR SETAR 28 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata calon-calon UMNO dalam pilihan raya umum akan datang akan dinilai dari segi kesediaan mereka berjuang kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau menegaskan, UMNO akan kembali kepada perjuangan asalnya untuk membela ketiga-tiga perkara itu dan bukannya berjuang untuk kepentingan individu-individu tertentu.

“Kesetiaan kepada orang tertentu bukan perjuangan UMNO. Kita hendak kembali kepada perjuangan UMNO yang asal. Dengan itu kita tidak kira siapa jadi calon asalkan dia boleh berjuang untuk agama, bangsa dan negara,” ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan, siapa sahaja yang boleh berjuang untuk agama, bangsa dan negara melalui UMNO akan diberi sokongan untuk menjadi calon.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akh-

bar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, pada akhir lawatan kerja sehari ke kawasan Parlimennya di Kubang Pasu, dekat sini hari ini.

Sehubungan itu Dr. Mahathir berkata, UMNO akan mengadakan kursus pembaharuan di kalangan ahlinya agar mereka semua kembali semula kepada perjuangan asal UMNO.

“Kita akan mengadakan kursus terutama untuk orang yang baru menyertai UMNO dan juga untuk golongan muda,” katanya.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, hari ini melakukan lawatan kerja ke Kubang Pasu termasuk mengadakan perjumpaan dengan rakyat kawasan itu dan bertemu dengan bekas wakil rakyat.

Mengenai perjumpaan dengan bekas wakil rakyat, Dr. Mahathir memberitahu, beliau mengambil kesempatan itu untuk menasihati mereka agar terus berkhidmat kepada UMNO yang telah berjasa kepada mereka.

■ Lihat muka 4

## PM: Kembali ke perjuangan asal

“Mereka juga mesti sanggup menjalankan tugas untuk memulihkan UMNO jika mereka dikehendaki,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, perjumpaan seperti itu turut diadakan dengan pemimpin UMNO dan Ketua UMNO Bahagian di di negeri lain.

“Mesejnya adalah sama iaitu mere-

ka mesti bekerja kuat untuk mengukuhkan semula UMNO kerana kita dapati partilawan telah berjaya dalam membangkitkan kebencian terhadap UMNO dan pemimpinnya,” ujar beliau.

Katanya, pembangkang juga telah berjaya menghapuskan ajaran Islam berkaitan dengan kesyukuran dan terima kasih sehingga menyebabkan

segala jasa UMNO tidak lagi dihargai.

Sehubungan itu beliau meminta ahli UMNO memperbetulkan keadaan tersebut dengan menjelaskan kepada masyarakat bahawa mereka perlu meneliti benar atau tidak sesuatu berita yang dibawa oleh pembangkang.